From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 7 July, 2022 10:58:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM LANCAR TABUNG BENCANA BANJIR

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2022 / 7 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM LANCAR TABUNG BENCANA BANJIR



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) melancarkan Tabung Sumbangan Bencana Banjir Baling yang akan disalurkan kepada mangsa bagi meringankan beban mereka yang ditimpa musibah.

Tabung berkenaan dilancarkan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah sempena Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Pensyarah Muda 2022, di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

“Tragedi banjir terburuk yang melanda Baling sehingga mengorbankan nyawa dan harta benda dalam sekelip mata cukup menyayat hati dan mengundang simpati rakyat Malaysia.

“Oleh itu, pelancaran tabung kutipan berkenaan amat tepat pada masanya sebagai menyatakan sokongan dan simpati UUM kepada mangsa yang terlibat,” katanya.

Beliau berharap tabung ini akan membantu mangsa yang terjejas teruk dan sedikit sebanyak mengurangkan kesedihan mangsa yang kehilangan segala-galanya seperti kediaman, kenderaan malah nyawa.

“UUM sentiasa prihatin justeru seramai 100 sukarelawan universiti ini telah digerakkan ke Baling untuk membantu mangsa yang terkesan setelah berdepan tragedi yang menyayat hati ini,” katanya.

UUM turut mengalu-alukan sumbangan daripada masyarakat dan warga kampus yang boleh disalurkan menerusi Tabung Bantuan Bencana Banjir Daerah Baling ke Bank Islam Malaysia Berhad, 0209-3010-0000-10 atau melalui cek atas nama Universiti Utara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad.

Sementara itu, Ketua Misi Bantuan Banjir di Baling, Ahmad Hu’ali Roseli berkata, sukarelawan yang terdiri daripada 90 pelajar dan 10 staf turun padang menabur bakti kepada masyarakat dengan menyertai misi bantuan ini.

“Tragedi banjir yang meragut nyawa itu amat menyedihkan sehingga menyebabkan ramai kehilangan harta benda bak kata pepatah, berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul.

“Atas kesedaran ini kami terpanggil untuk menyertai misi selama 3 hari yang bertujuan membersihkan kawasan yang terjejas akibat banjir di Pekan Kupang, Kampung Iboi, Kampung Hangus, Kampung Sadek dan Kampung Pisang.

“Selain kerja pembersihan, kami juga menghulurkan bantuan seperti barangan keperluan asas dan kelengkapan harian bagi meringankan bebanan yang ditanggung mangsa banjir terlibat selain intervensi krisis bagi menenangkan keadaan mangsa,” ujarnya yang juga Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Acara.

Beliau berharap misi bantuan ini berupaya melahirkan mahasiswa yang tinggi semangat kesukarelawan sekali gus menjadikan UUM sentiasa dekat dengan masyarakat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.